

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB PUAN TEO NIE CHING [KULAI]

SOALAN :

YB Puan Teo Nie Ching [Kulai] minta PERDANA MENTERI menyatakan rancangan pelaksanaan sistem Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen dan pembentukan sebuah Law Reform Commission seperti yang dicadangkan oleh Menteri Hajah Nancy Shukri pada 13.4.2015 supaya penggubalan undang-undang di Parlimen menjadi lebih efisien.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada dasarnya Kerajaan bersetuju agar cadangan pindaan berskala besar kepada mana-mana undang-undang dibawa ke Jawatankuasa Pilihan Khas bagi mengkaji Rang Undang-Undang tersebut. Cadangan ini hanya merujuk kepada pindaan-pindaan kepada undang-undang yang berskala besar (*major amendments*) serta yang difikirkan perlu ditubuhkan Jawatankuasa Pilihan Khas untuk menelitinya dan bukannya bagi setiap rang undang-undang yang dibawa ke Parlimen.

Cadangan ini bukanlah satu perkara baru kerana ia sememangnya termaktub dalam Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat. Ia juga pernah dilaksanakan sebelum ini untuk mengkaji rang undang-undang dan meneliti beberapa isu tertentu membabitkan Ahli Parlimen dari pihak Kerajaan dan juga dari pihak pembangkang. Sebagai contoh:

- (i) Jawatankuasa Pilihan Khas Untuk Mengkaji Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2004 dan Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2004 (laporan dibentangkan pada tahun 2006);
- (ii) Jawatankuasa Pilihan Khas Perpaduan dan Khidmat Negara (laporan dibentangkan pada tahun 2007);
- (iii) Jawatankuasa Pilihan Khas Penambahbaikan Proses Pilihan Raya (laporan dibentangkan pada tahun 2012); dan

(iv) Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai Projek Lynas Advanced Materials Plant (laporan dibentangkan pada tahun 2012).

Cadangan ini secara dasarnya telah dipersetujui oleh Kerajaan namun seperti yang dinyatakan di atas, cadangan penubuhan Jawatankuasa Pilihan Khas ini hanya untuk pindaan-pindaan kepada undang-undang yang berskala besar (*major amendments*) serta yang difikirkan perlu untuk ditubuhkan untuk menelitinya dan bukannya bagi setiap rang undang-undang yang dibawa ke Parlimen.

Sekian. Terima kasih.